

## *Penerapan Pengajaran Secara Eksplisit Dalam Memantapkan Respons Pelajar Bagi Kemahiran Lisan*

**Janisah Johari**

janisah\_zainal@schools.gov.sg

**Sri Nabilah Basri**

sri\_nabilah\_basri@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Hougang**

### *Abstrak*

Pelajar Normal Teknikal kerap kali tidak dapat menyusun kata-kata atau idea-idea mereka dengan baik semasa memberi respons secara lisan sewaktu mengupas tajuk perbualan. Bahkan, ramai yang tidak dapat membezakan antara isi utama dengan huraihan atau membezakan antara andaian dengan pendapat. Penguasaan bahasa yang agak lemah juga boleh menjadikan guru keliru akan maksud respons pelajar. Justeru, kajian ini yang berpandukan rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup> (Lihat-Andaian-Pendapat -Perasaan) dan diajarkan secara eksplisit di dalam bilik darjah diharapkan dapat membantu pelajar mencontohi cara memberikan respons yang baik dalam menjawab soalan umum berkaitan kandungan klip video yang diajukan oleh guru. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penerapan L.A.P<sup>2</sup> dapat mempertingkat mutu respons pelajar bagi sub-komponen perbualan dengan lebih baik dan matang. Pelajar menunjukkan keyakinan dan kesediaan untuk menjawab soalan-soalan lisan dengan lebih tenang.

Kata Kunci: lisan, perbualan, rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup>, pengajaran eksplisit

## **PENGENALAN**

Pengenalan merupakan satu hal yang penting dalam sesuatu ujaran atau penulisan. Ujaran awal yang baik akan memberi suatu cerminan yang positif terhadap individu – baik dalam penulisan, pertuturan atau aksi yang ditonjolkan. Di dalam penilaian subjek Bahasa Melayu, tuntutan ini tidak kurang pentingnya, termasuk bagi komponen lisan, khususnya subkomponen perbualan. Ujaran awal seseorang pelajar, khususnya dalam memberikan respons terhadap soalan yang diajukan guru, mampu mempengaruhi penilaian guru terhadap prestasi mereka. Pada masa yang sama, ujaran awal yang berkesan juga boleh mempengaruhi keyakinan pelajar sepanjang proses menghuraikan perbualan lanjutnya bersama guru.

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana strategi yang diterapkan mampu membantu pelajar membina kebolehan menyampaikan pengenalan atau ujaran awal yang baik dalam perbualan, dan seterusnya dalam mengembangkan respons sebagai menjawab soalan awal yang diajukan sewaktu peperiksaan bagi subkomponen perbualan yang dijalankan. Rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup> dikemas kini dan dirumuskan oleh guru pengkaji bagi membantu pelajar mengembangkan respons awal mereka secara bersistematik dan berstruktur. Pada masa yang sama, rutin berfikir ini didedahkan dan diajarkan secara eksplisit di dalam bilik darjah untuk memastikan rutin ini benar-benar dapat dipraktikkan oleh para pelajar.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Secara umumnya, pada peringkat Menengah 3, para pelajar aliran Normal Teknikal masih belum mampu mengembangkan respons mereka dengan jelas dan berkesan. Ketika menilai isi yang diutarakan pelajar, mereka yang lebih baik prestasinya masih lagi berada antara lingkungan band tiga atas hingga band dua bawah (8 markah hingga 11 markah) berdasarkan skema pemarkahan lisan peringkat nasional. Tinjauan para guru menunjukkan bahawa respons para pelajar sangat rencam. Bentuk respons dalam kalangan pelajar sangat berlainan sebelum rutin tertentu didedahkan.

Sewaktu menjalankan latihan di dalam bilik darjah, kerencaman ini kerap kali mendarangkan kekeliruan dalam kalangan para pelajar. Apabila mereka melihat bentuk respons yang sangat berbeza daripada rakan-rakan mereka, tambahan pula respons-respons yang tidak dirakam ini besar kemungkinannya semakin tidak terarah. Semasa peperiksaan, para pelajar sering tidak mampu menyampaikan respons dengan yakin dan berkesan.

Oleh itu, timbul satu keperluan untuk mencari jalan yang dapat menjadi dasar atau kayu ukur bagi membantu pelajar menyusun idea mereka dengan lebih berstruktur, jelas dan berkesan. Pada masa yang sama, strategi yang digunakan seharusnya dapat membantu pelajar membina jalinan antara perkara yang ditonton dalam klip video rangsangan dengan memberikan pandangan peribadi. Secara keseluruhan, strategi ini perlu mesra pelajar, atau dalam istilah lainnya, memudahkan pelajar menerapkannya dalam persiapan untuk menjawab soalan awal komponen perbualan dalam peperiksaan lisan.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar memberi respons yang tersusun bagi soalan pertama komponen perbualan (lisan) melalui rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup>;
2. melihat keberkesanan menerapkan pengajaran eksplisit dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP); dan
3. menilai keberkesanan L.A.P<sup>2</sup> dalam membina keyakinan pelajar sepanjang tempoh perbualan.

## KAJIAN LEPAS

Karya unggul Ron Ritchhart, Mark Church dan Karin Morrison (2011) yang berjudul *Making Thinking Visible* atau Menjadikan Pemikiran Jelas, sudah kerap dijadikan rujukan oleh para guru untuk kajian-kajian lebih awal. Fokus karya unggul ini adalah usaha meningkatkan pelibatan, pemahaman dan kejituhan berfikir dalam kalangan pelajar sewaktu pelajaran dijalankan. Selain itu, rutin berfikir yang diperkenalkan dalam karya tersebut juga menekankan strategi berfikir yang digunakan secara kerap dan berstruktur mampu membantu guru meningkatkan daya dan kejelasan berfikir dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, ia juga membolehkan guru menilai sejauh mana pelajar sudah memahami pelajaran yang telah berlangsung.

Di samping itu, Dr Robert Elwell, pengarah *Learning Solutions*, berpandangan bahawa terdapat lima langkah yang boleh guru lakukan untuk menggalakkan pelajar berfikir dan mengutarakan pandangan dengan lebih jelas. Ini termasuk:

1. menyediakan ruang untuk mendengar perbualan pelajar;
2. menggalakkan pembelajaran kooperatif;
3. memberi peluang kepada pelajar memberi penerangan untuk menyokong hujahnya;
4. memberi peluang kepada pelajar membina masalah dan menyarankan cara penyelesaiannya sendiri; dan
5. guru sendiri perlu mengaku apabila tidak mampu memberi penjelasan bagi permasalahan yang dibangkitkan pelajar.

Dalam penerangan di atas, maka kita diingatkan bahawa guru perlu sentiasa menyediakan ruang dan masa yang mencukupi bagi pelajar berinteraksi dengan masalah yang dihadapinya. Pelajar harus diberikan kebebasan untuk bersuara dan mencari penyelesaian sendiri, tanpa perlu dipengaruhi pendapat dan pendirian guru sepanjang masa. Dengan cara ini, pelajar akan menjadi lebih yakin, bermotivasi dan berdikari untuk menyuarakan pandangan peribadi mereka.

Bagi pengajaran secara eksplisit pula, menurut Rosenshine (1997), pengajaran secara eksplisit merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, bersistematik dan melibatkan pengajaran yang menekankan kepada penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa melalui penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan, kaedah pengajaran secara eksplisit mempunyai kelebihan untuk membantu pelajar berjaya dalam pembelajaran. Yang jelas, dalam menjalankan pembelajaran secara eksplisit, guru perlu memastikan agar:

1. guru jelas dalam menyampaikan objektif pelajaran kepada pelajar;
2. pelajar diberitahu akan hal yang mereka perlu mahir atau kuasai dan ditunjukkan bagaimana kemahiran tersebut boleh diraih; dan
3. guru memberi masa untuk pelajar berlatih membina kemahiran yang telah dipelajari.

Briner (1999) pula berpendapat bahawa pengetahuan pelajar perlu dibina berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, lalu mengaplikasikannya kepada situasi baharu dan mengintegrasikan pengetahuan baharu yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud. Pendapat ini mengukuhkan lagi dapatkan bahawa pengajaran bahasa perlu diajarkan secara eksplisit dan dibina untuk memastikan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa.



## **KAEDAH KAJIAN**

Secara umum, kajian ini bersifat eksperimental untuk menguji pelaksanaan rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup> dalam PdP subkomponen perbualan lisan. Data dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Secara kuantitatif, markah bagi subkomponen perbualan akan dikumpulkan pada dua peringkat. Pertama, markah bagi ujian penggal akan dirakam dan markah ini merupakan cerminan respons pelajar sebelum rutin berfikir ini didedahkan kepada mereka. Selain itu, markah bagi peperiksaan akhir tahun juga akan disertakan dan markah ini merupakan cerminan respons pelajar setelah rutin berfikir ini diajarkan.

Secara kualitatif, pemerhatian guru terhadap kelakonan dan sumbangan lisan pelajar sewaktu ujian dan peperiksaan dijalankan membentuk sebahagian besar penilaian ini. Selain itu, respons pelajar secara bertulis bagi pelajaran rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup> juga digunakan sebagai kayu ukur sama ada pelajar telah mampu menggarap kemahiran ini dengan berkesan sebelum menduduki peperiksaan lisan Akhir Tahun.

Kajian ini juga menerapkan Amalan Pengajaran Singapura (STP) dengan memberikan penekanan pada mengaktifkan pengetahuan sedia ada dan pemberian penerangan yang jelas bagi menggalakkan pelibatan aktif pelajar dalam pelajaran. Berikut merupakan penerapan STP dalam kajian ini.

## Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Pelaksanaan Pelajaran	AP13:Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada  AP17:Memberikan Penerangan yang Jelas  AP20:Menggalakkan Pelibatan Pelajar	<p>AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menayangkan klip video untuk mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar tentang interaksi lisan menggunakan video.</li> <li>• Pelajar berbincang secara berpasangan dan berkongsi di <i>Padlet</i>. Guru menyemak respons pelajar dan memberi maklum balas.</li> </ul> <p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menerangkan elemen interaksi lisan dengan mendalam:               <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ menerangkan tentang tahap, konteks dan kemahiran lisan;</li> <li>✓ menerangkan contoh soalan rangsangan yang ditanya; dan</li> <li>✓ menerangkan secara terperinci tentang bahagian perbualan.</li> </ul> </li> <li>• Guru menayangkan klip video kepada pelajar dan menerangkan teknik L.A.P<sup>2</sup> dan fungsinya yang boleh pelajar gunakan dalam menyusun isi bagi soalan pertama.</li> </ul> <p>AM3:Teroka-Terlibat-Aplikasi</p> <p>Pelajar membaca L.A.P<sup>2</sup> dan membuat andaian serta berkongsi perasaan mereka dengan memberikan pandangan peribadi.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	<p>AM4: Kongsi Pembelajaran Saya</p> <p>Guru bertanyakan pendapat pelajar bagaimana teknik L.A.P<sup>2</sup> telah dapat membantu mereka menjawab soalan lisan yang pertama.</p> <p>Pelajar memberi respons mengenai satu idea baharu yang telah mereka pelajari dalam teknik L.A.P<sup>2</sup> bagi membantu mereka menjawab soalan lisan.</p>



Penerangan dan Justifikasi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fikir-Berpasangan-Berkongsi digunakan untuk menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam, berkongsi perspektif dan menjelaskan idea. Melalui perkongsian pelajar, guru boleh memahami pengetahuan awal pelajar dan kekeliruan yang mereka hadapi.</li> <li>2. Guru melakukan tunjuk cara dengan tujuan merangsang minat pelajar supaya jelas topik dan kemahiran yang akan mereka pelajari. Guru memastikan penerangannya jelas dan menggunakan soalan-soalan panduan untuk mendapatkan pelibatan pelajar dan menilai pemahaman mereka.</li> <li>3. Teroka-Terlibat-Aplikasi dilaksanakan supaya pelajar lebih bermotivasi untuk meneroka dan menggunakan teknik L.A.P<sup>2</sup>. Mereka terlibat dalam penjanaan idea selepas menonton klip video yang digunakan sebagai bahan rangsangan.</li> <li>4. Pada peringkat pemantauan pemahaman dan memberikan maklum balas, guru menggunakan rubrik penilaian kendiri untuk mengukuhkan pemahaman pelajar dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Pada masa yang sama merangsang mereka untuk terus berjaya.</li> </ol>
----------------------------	---

## Subjek Kajian

Kajian ini disasarkan pada pelajar Menengah 3 aliran Normal Teknikal bagi kohort 2018 Seramai 11 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Secara umumnya, kelompok pelajar ini boleh memberikan respons secara positif apabila dirangsang. Namun, biasanya respons mereka seringkas satu ayat sahaja, dan sering tidak berstruktur atau tersusun. Untuk mengembangkan respons pelajar, guru perlu kerap memberikan rangsangan dalam PdP.

## Instrumen Kajian

Berbekalkan pendekatan Pengajaran Eksplisit yang dirumuskan Rosenshine (1997), pelajaran ini berlangsung dalam tiga fasa yang berfokuskan pada konsep ‘I do’, ‘We do’ dan ‘You do’.

‘I do’ yang dimaksudkan pada fasa yang pertama merujuk kepada guru. Guru menjadi pemudah cara yang memberikan penerangan dan menunjukkan contohan langkah kepada para pelajar sebagai usaha visual bagi menggalakkan pelajar mengikut rutin berfikir ini dengan lebih jelas. Dalam fasa kedua, ‘You Do’, guru akan menggalakkan pembelajaran kooperatif dalam kalangan pelajar untuk membolehkan mereka mempraktikkan kemahiran rutin berfikir tersebut. Pada peringkat ini, guru perlu memberikan bimbingan kepada pelajar yang memerlukan bantuan. Sesudah itu, dalam fasa ketiga, ‘You do’, pelajar digalakkan bergerak secara kendiri berpandukan rutin dan soalan-

soalan rangsangan yang sudah disediakan dalam lembaran kerja L.A.P<sup>2</sup> untuk mengembangkan respons masing-masing.

Lembaran kerja L.A.P<sup>2</sup> memerlukan pelajar merakam satu hal menonjol yang telah mereka lihat (L) dalam klip video rangsangan, di samping membuat andaian (A) mereka tentang mengapa hal yang dilihat itu sedemikian. Kematangan andaian pelajar ini boleh mempengaruhi respons mereka dalam memberikan pandangan peribadi (P1), di mana pelajar perlu menyuarakan sama ada mereka menyokong atau sebaliknya hal yang telah mereka lihat dalam klip video rangsangan. Pastinya, pelajar digalakkan mengupas perasaan (P2) mereka seandainya mereka diletakkan dalam situasi yang sama.

Selesai mengisi lembaran kerja L.A.P<sup>2</sup> dan setelah menerima maklum balas awal dalam bentuk lisan daripada guru, para pelajar perlu merakam respons mereka secara digital. Rakaman akhir ini dijadikan instrumen bagi guru memerhatikan dan menilai keberkesanannya rutin ini dan kesediaan pelajar menggunakanannya.

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini telah dijalankan selama empat minggu, dengan empat waktu pelajaran dijalankan setiap minggu. Secara keseluruhannya, guru mengambil masa 8 jam untuk melengkapkan tiga fasa yang dinyatakan di atas.

Sebelum kajian ini dijalankan, respons pelajar untuk ujian lisan bagi Penggal 2 diambil kira. Setelah kajian ini dijalankan pada penggal 3 dan 4 tahun 2018, penilaian kualitatif dilakukan ke atas hasil respons pelajar berdasarkan rakaman yang mereka hantarkan kepada guru dan juga lembaran kerja yang dilengkapkan. Penilaian kualitatif ini secara tidak langsung berfungsi sebagai proses praujian sebelum peperiksaan lisan Akhir Tahun dijalankan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil pemerhatian pengkaji menunjukkan bahawa pelajar secara umumnya sudah mampu menerapkan rutin berfikir L.A.P<sup>2</sup> dalam mengupas soalan perbualan yang pertama dengan sendiri. Pernyataan ini disokong oleh hasil kerja secara bertulis pelajar berdasarkan lembaran yang disediakan serta respons lisan mereka sewaktu peperiksaan lisan Akhir Tahun dijalankan.

Tidak dinafikan, respons pelajar lebih tersusun dan kini pelajar mampu mengembangkan respons mereka dengan sendirinya tanpa perlu rangsangan yang kerap daripada guru. Pelajar yang sederhana juga sudah berjaya

meningkatkan respons daripada satu ayat kepada respons yang panjangnya paling kurang antara empat hingga lima ayat.

Ini boleh dilihat dalam Jadual 1 di mana pelajar yang sederhana mampu untuk memberikan satu ayat bagi setiap aspek L.A.P<sup>2</sup>. Ketika dirangkumkan, respons mereka menjadi satu respons yang menyeluruh, jelas bahawa pelajar telah mampu menerangkan perasaan terima kasihnya dan ini disebabkan oleh keprihatinan orang di sekeliling untuk memberikan bimbingan. Namun begitu, respons ini masih boleh dikukuhkan seandainya pelajar menggunakan istilah yang lebih spesifik seperti ‘golongan muda’, ‘warga emas’, ‘bertimbang rasa’ atau ‘prihatin’ dalam mengupas ideanya. Bahkan, respons pelajar akan mendapat penilaian lebih baik lagi jika dia berusaha menerangkan apa yang dimaksudkan dengan frasa ‘perbuatan itu’ dalam bahagian ‘Pandangan Peribadinya’.

#### Jadual 2: Contoh Respons Pelajar Sederhana

Apa yang kamu lihat?	Andaian	Pandangan Peribadi dan perasaan
Saya melihat seorang pakcik tua itu ada masalah duduk di tempat yang tinggi itu.	Mungkin kaki pakcik tua itu sakit.	Pada pandangan saya, perbuatan itu sangat baik kerana mereka memberi tempat duduk yang rendah kepadanya. (Perasaan) Saya berasa berterima kasih kerana mereka menolong saya.

Jika diteliti dengan lebih lanjut, pelajar cemerlang mampu mengembangkan setiap aspek L.A.P<sup>2</sup> dengan lebih tuntas. Kumpulan pelajar ini menunjukkan usaha untuk menerapkan *moral reasoning* dalam setiap aspek yang dikembangkannya bagi mengukuhkan idea yang dibangkitkan. Penggunaan istilah juga lebih spesifik dan ini membantu guru atau penilai memahami idea dan penjelasan pelajar tersebut dengan lebih jitu.. Secara umum, pelajar sebegini juga mampu mengekalkan respons matang seperti ini sepanjang perbualan mereka.

### Jadual 3: Contoh Respons Pelajar Cemarlang

Apa yang kamu lihat?	Andaian	Pandangan Peribadi dan perasaan
Saya melihat dua orang dewasa yang sedang duduk di perhentian bas. Di sebelah mereka terdapat seorang pакcik yang sedang duduk. Apabila dia duduk, kerusi itu kelihatan tinggi baginya.	Mungkin kerusi itu tinggi dan licin untuknya yang membuatnya tidak selesa duduk di situ. Dua orang dewasa itu melihat apa yang terjadi lalu mempelawa pакcik itu untuk duduk di tempat yang lebih selesa dan rendah.	Pada pandangan saya, perbuatan dua orang itu sangat baik dan bertimbang rasa. Jika saya pakcik itu, saya akan rasa beruntung. (Perasaan) Saya berasa perbuatan mereka berdua ialah satu contoh untuk kita. Kita juga boleh mencontoh mereka jika kita dalam situasi sebegini.

Jika dibandingkan taburan markah bagi keseluruhan subkomponen perbualan yang diraih oleh pelajar ini bagi dua penilaian yang disebutkan di atas, rata-rata, sepuluh daripada sebelas pelajar yang dinilai menunjukkan peningkatan prestasi. Jadual 2 menunjukkan taburan markah dalam Jadual 4 pula membuktikan bahawa seramai 72.7% pelajar mendapat paling kurang 3 markah lebih baik dalam Peperiksaan Akhir Tahun berbanding dengan Ujian Penggal 2 setelah didedahkan dengan rutin L.A.P<sup>2</sup>. Peningkatan ini juga boleh dikira sebagai satu penunjuk bahawa kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk membantu pelajar dalam sub-komponen perbualan.



#### **Jadual 4: Taburan Markah Pelajar Normal Teknikal**

<b>Subjek Kajian</b>	<b>Ujian Penggal 2 Sebelum Didedahkan pada Rutin Berfikir L.A.P<sup>2</sup> (30 markah penuh)</b>	<b>Peperiksaan Akhir Tahun Setelah Didedahkan pada Rutin Berfikir L.A.P<sup>2</sup> (30 markah penuh)</b>	<b>Perbezaan</b>
A	21	22	+1
B	16	20	+4
C	20	24	+4
D	20	22	+2
E	19	24	+5
F	20	24	+4
G	15	20	+5
H	15	18	+3
I	19	22	+3
J	16	20	+4
K	21	20	-1

Secara kualitatif, guru bersetuju bahawa respons lisan pelajar bagi subkomponen perbualan lebih baik dan matang dari segi kandungan dalam peperiksaan akhir tahun. Pelajar menunjukkan keyakinan dan kesediaan untuk menjawab soalan-soalan perbualan dengan lebih tenang apabila bahagian awal perbualan mereka dapat disampaikan dengan tersusun dan baik. Sehubungan itu, pengkaji bersepakat bahawa rutin yang diperkenalkan kepada pelajar telah sedikit sebanyak berjaya mempengaruhi persediaan mental mereka sewaktu peperiksaan dijalankan. Justeru, hal ini telah mempengaruhi markah keseluruhan yang lebih memberangsangkan.

### **KESIMPULAN**

Bagi membantu pelajar terus meningkatkan kemampuan menggunakan rutin ini dengan baik dan berkesan, pengkaji berpandangan bahawa para pelajar perlu diberi pendedahan pada penggunaan penanda wacana yang berbeza agar penyampaian pelajar bukan sahaja teratur, tetapi juga ada nilai estetika dari segi bahasa. Pelajar yang lebih cemerlang boleh terus dicabar supaya mencari dan mengupas lebih daripada satu respons yang menyeluruh sebagai usaha mencerminkan kematangan mereka dalam kemahiran berfikir.

Pada masa yang sama, pengkaji juga akui bahawa terdapat faktor lain yang mempengaruhi respons dan kesediaan pelajar untuk menjawab soalan-soalan perbualan dengan cemerlang dalam setiap ujian atau peperiksaan lisan yang berbeza. Sebagai contoh, konteks yang diberikan dalam klip video dan perbualan serta penggunaan istilah yang berat dalam soalan mampu menjasakan keyakinan dan respons pelajar seandainya mereka kurang fasih atau selesa dengan konteks dan/atau istilah yang digunakan. Sehubungan itu, para guru haruslah sentiasa berusaha memberi pendedahan yang secukupnya kepada para pelajar terhadap konteks-konteks berbeza dan membantu mereka memperkaya kosa kata dalam latihan-latihan di dalam bilik darjah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Siti Sapiya Mohamad Sumri

## RUJUKAN

Edwards-Groves, C.J. (1998). *The Reconceptualisation of Classroom Events as Structured Lessons: Documenting Changing the Teaching of Literacy in the Primary School*. Unpublished doctoral thesis, Griffith University.

Edwards-Groves, C.J. (1999). *Explicit Teaching: Focusing Teacher Talk on Literacy*. PEN 118, PETA, NSW.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Ritchhart R., Church M., Morrison K (2011) *Making thinking visible: how to promote engagement, understanding and independence for all learners*. San Francisco: Jossey Bass.

Rosenshine, B. (1997). *Advances in research on instruction (pp.197- 221)*. Mahwah,NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Rosenshine, B., & Stevens, R. (1986). *Teaching functions*. In M. C. Wittrock (Ed.), *Handbook of research on teaching*, 3rd ed. (pp. 376-391). New York: Macmillan.

<https://itslearning.com/our-product/2017/01/12/5-ways-make-thinking-visible/>

[https://en.wikipedia.org/wiki/Moral\\_reasoning](https://en.wikipedia.org/wiki/Moral_reasoning)